

MDEC 'cipta semula' tarik pelaburan digital

Kuala Lumpur: Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) mengumumkan misi untuk menarik pelaburan digital melalui 'mencipta semula' atau *reinvent* yang memberi isyarat anjakan paradigma baharu supaya bersiap sedia menghadapi norma baharu yang belum diteroka dan mungkin akan kekal lebih lama.

Pengerusinya, Datuk Rais Hussain Mohamed Ariff berkata, misi *Reinvent* MDEC membawa pendekatan dan perspektif baharu yang diperlukan untuk menjadikan ekonomi digital sebagai pemacu utama

pertumbuhan negara.

"Ciri utama misi ini ketelusan menyeluruh dan tadbir urus yang baik, pendidikan bermula peringkat sekolah rendah hingga pengajian tinggi dan kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta," katanya.

Misi itu diumumkan sempena sambutan ulang tahun Jubli Perak ke-25 MDEC.

Rais berkata, berpandukan ciri-ciri berkenaan, hasil tinjauan dan kajian bebas secara menyeluruh ke atas status tadbir urus sedia ada juga menyaksikan kemasukan modal insan baharu di pelbagai peringkat.